



**SIARAN AKHBAR**  
**MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN KERUSI RODA BAGI**  
**ORANG KELAINAN UPAYA**

**Bandar Seri Begawan, Sabtu, 24 Mac 2018** - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menerima sumbangan sepuluh buah kerusi roda daripada *Hua Ho Department Store* pagi ini dan penyerahan tersebut berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan.

Hadir bagi menyerahkan sumbangan kerusi roda dari pihak *Hua Ho Department Store* ialah Yang Mulia Awang Lau Soon Hau, cucu kepada Yang Mulia mendiang Pehin Kapitan Cina Kurnia Diraja Dato Paduka Lau Ah Kok yang kemudiannya menyerahkan sumbangan tersebut kepada Yang Mulia Tuan Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir menyaksikan penyerahan sumbangan ini ialah Yang Mulia Awang Abdul Rahman bin Haji Apong, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, pegawai-pegawai kanan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat dan juga Yang Mulia, Haji Mohammad Syafien bin Abdullah Yandol, urusetia kepada *Motor Transport Licensing Authority* (MTLA) serta wakil-wakil daripada *Hua Ho Department Store*.

Menurut kenyataan Yang Mulia Awang Lau, pemberian sumbangan ini adalah untuk meneruskan semangat dan kemurahan hati mendiang datuk mereka dalam membantu golongan yang memerlukan di Negara Brunei Darussalam.

Sumbangan seperti ini adalah amat dihargai dan sedikit sebanyak membantu dalam usaha meningkatkan kesedaran dan membentuk sikap positif dalam kalangan masyarakat dan seterusnya menggalakkan penglibatan sukarelawan dan sumbangan lebih banyak daripada orang ramai, persatuan-persatuan atau syarikat terhadap golongan orang berkelainan upaya.

**### Tamat ###**

*Disediakan oleh:*

*Unit Perhubungan Awam*

*Jabatan Pembangunan Masyarakat,*

*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

*Negara Brunei Darussalam.*

*Tarikh : 06 Rejab 1439H / 24 Mac 2018M /*